

Kementerian melalui Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) yang bersiaran menerusi saluran TV1, TV2 dan TVi ada memperuntukkan siaran untuk golongan belia iaitu empat jam seminggu di TV1 & TV2.

Manakala 40% rancangan di TVi berkonsepkan generasi muda. Transformasi terus dijalankan untuk menarik golongan belia dengan mengubah pendekatan rancangan yang lebih interaktif demi menyemai semangat cintakan negara.

Antara rancangan yang disiarkan ialah TV1 – Xpresi Kembara, Xplorasi, Idola Bintang, manakala di TV2 – Mini Parlimen, Fun Dance, Penne Penne (Tamil), Gerak Khas dan program Xtreme, Gajet, Jaming di TVi.

Selain itu, pihak stesen penyiar Swasta juga telah memberi banyak tumpuan kepada penerbitan program-program TV dan radio bercorak patriotik dan menyemai semangat perpaduan dan cintakan negara.